

# Warta Q

“Kualiti Pemacu Kurikulum Lestari”



## Permulaan UTM CAQ

**Pusat Kualiti Akademik dan Kurikulum UTM** atau **UTM Centre for Curriculum and Academic Quality (UTM CAQ)** telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Oktober 2023 rentetan penstrukturuan semula Unit Pengurusan Kualiti dan Risiko (UTM QRiM). Penubuhan ini merupakan inisiatif strategik Universiti Teknologi Malaysia dalam memperkuuh tadbir urus akademik serta memastikan kelestarian sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi secara menyeluruh.

UTM CAQ berperanan sebagai entiti utama yang menyelaras dan memacu proses semakan kurikulum secara berkala serta pembangunan kurikulum program baharu, dengan memastikan keselarasan terhadap keperluan industri, perkembangan ilmu pengetahuan semasa, dan aspirasi negara. Setiap proses pembangunan kurikulum dilaksanakan secara teliti dan berdasarkan bukti bagi menjamin pematuhan terhadap piawaian akademik kebangsaan dan antarabangsa, sekali gus menyokong matlamat UTM untuk terus unggul sebagai universiti bereputasi global.

Di samping itu, UTM CAQ bertanggungjawab memantau, menyelaras dan memperkuuh pelaksanaan dasar, garis panduan serta mekanisme jaminan kualiti akademik yang komprehensif. Pusat ini juga memainkan peranan penting dalam memastikan pematuhan berterusan terhadap keperluan Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan badan profesional berkaitan. UTM CAQ turut mengurus pelaksanaan audit dalam akademik dan memastikan penajaran sepenuhnya terhadap kehendak Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

### Dari Meja Pengarah

“Buletin ini diterbitkan sebagai inisiatif strategik untuk memperkuuh budaya kualiti dalam pembangunan dan pelaksanaan kurikulum di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kurikulum yang berkualiti merupakan tunjang utama dalam memastikan program pengajian sentiasa relevan, berdaya saing dan lestari selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan.”

“Buletin ini berhasrat untuk menghimpunkan amalan terbaik, panduan semasa serta suara dan pengalaman warga akademik dalam memacu penambahbaikan berterusan dalam landskap kurikulum universiti.”

“Diharapkan penerbitan ini menjadi sumber rujukan yang bermanfaat serta pemangkin kepada pembentukan ekosistem kurikulum yang mampan, seterusnya menyokong aspirasi UTM sebagai universiti bereputasi global.”

**Prof. Dr. Muhammad Sukri bin Saud**

### Tarikh Penting:

**1 November 2008**

**Unit Kualiti Universiti (UKU)** mula beroperasi selepas penstrukturuan semula.

**2014**

Penubuhan **Centre for Quality and Risk Management UTM (UTM QRiM)** atau **Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko UTM** dengan penggabungan Unit Kualiti Universiti (UKU) dan Bahagian Transformasi & Pengurusan Risiko.

**1 Oktober 2023**

Penubuhan **Pusat Kurikulum dan Kualiti Akademik (UTM CAQ)** selepas penstrukturuan semula UTM QRiM.



# UTM CAQ - MQA Anjur Kursus MQF 2.0 (2024) secara *in-house*

DITULIS OLEH AHMAD NAJAHALHAYYI

**UTM JOHOR BAHRU, 20 Mei 2025** – Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terus memperkuuh pengurusan kualiti akademik melalui penganjuran *In-House Training on Implementation of MQF Second Edition (2024)* yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Canselor Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru.

Latihan intensif ini merupakan inisiatif kolaboratif antara Pusat Kualiti Akademik dan Kurikulum (UTM CAQ) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dengan penyertaan menyeluruh daripada semua Timbalan Dekan (Akademik), Pengurus Kualiti Akademik dan Strategi fakulti, serta beberapa wakil-wakil Pusat Tanggungjawab (PTj).

## Penceramah Berpengalaman

Program ini dikendalikan oleh **Profesor Sr. Ir. Dr. Suhaimi Abdul Talib**, ahli jawatankuasa akreditasi MQA dan mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UiTM. Beliau memberikan pencerahan mendalam berkaitan pelaksanaan dokumen Malaysian Qualifications Framework (MQF) Edisi Kedua versi 2024.

## Modul dan Sesi Praktikal

Modul turut merangkumi topik kritikal seperti:

- *Legislations and Regulators in Higher Education*
- *National Qualifications Framework dan MQF (2024)*
- *Learning Outcomes, Skillsets dan Competencies*
- *Integrating Values-based Education*
- *Integrating Sustainability Competencies*
- *Integrating Flexible Learning Pathways & Harmonisation of Frameworks.*

Penganjuran latihan ini membuktikan usaha berterusan UTM dalam menjadikan kualiti dan kecemerlangan akademik sebagai teras pendidikan. Diharapkan semua peserta dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh untuk menambah baik kurikulum dan memastikan program akademik kekal relevan serta berdaya saing selaras dengan MQF 2.0 (2024).